

## ANALISIS TEORI KRITIKAN SENI FELDMAN TERHADAP LUKISAN MANDALA PELAJAR DIPLOMA SENI BINA

### [AN ANALYSIS OF FELDMAN'S ART CRITICISM THEORY ON MANDALA PAINTINGS BY DIPLOMA IN ARCHITECTURE STUDENTS]

MARIA MOHAMMAD<sup>1\*</sup>  
MOHAMAD FAISAL AHMAD<sup>2</sup>

#### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesesuaian lukisan mandala pelajar semester satu(1) Diploma Seni Bina sebuah Politeknik di Melaka bagi isu kesesuaian pemilihan tugas bagi memenuhi silibus bagi topik pemaham konsep elemen dan prinsip dalam rekaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah triangulasi data yang merangkumi temu bual separa berstruktur, analisis visual, dan pemerhatian bersama tiga(3) informan yang memiliki 15 hingga 23 tahun pengalaman mengajar kursus Design 1 DCA10032 . Lima (5) lukisan mandala telah dipilih secara bertujuan (purposive sampling) berdasarkan penilaian rubrik tertinggi dalam kursus Design 1 bagi sesi 1 2023/2024. Teori Kritikan Seni Feldman digunakan sebagai kerangka utama untuk menganalisis lukisan pelajar yang dinilai. Dapatan kajian mengenal pasti enam (6) tema utama dalam elemen rekaan telah digunakan dan empat (4) tema utama dalam prinsip rekaan berdasarkan peringkat analisis Feldman, iaitu: (i) Kejelasan elemen rekaan melalui peringkat deskripsi; (ii) Kefahaman konseptual melalui peringkat analisis; (iii) Keseimbangan kreativiti dan aplikasi media melalui peringkat interpretasi; dan (iv) Kreativiti penghasilan lukisan mandala melalui peringkat penilaian. Peringkat deskripsi menunjukkan bahawa mandala bercirikan Islam menampilkan struktur simetri, susunan berpusat dan pengulangan motif yang menggabungkan elemen tradisional serta kontemporari. Peringkat analisis melibatkan dua pendekatan utama: visual (geometri Islam, arabesque, kaligrafi Arab dan unsur kosmos. Peringkat interpretasi mengenal pasti lima tema utama: Geometri Islam, Kaligrafi Arab & Arabesque, Motif Alam Semula Jadi, Warna Islamik. Peringkat penilaian pula menunjukkan bahawa lukisan mandala Islamik mampu dihasilkan melalui pendekatan teknikal sistematik. Kajian ini mencadangkan agar penyelidik lain mengkaji organisasi rekaan dalam penghasilan lukisan mandala bagi rujukan pelajar.

**Kata Kunci:** lukisan Mandala, kosmos , elemen rekaan, prinsip rekaan, pakar rujukan (SME).

---

<sup>1</sup>Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau Melaka, KM 2.5, Jalan Merlimau Jasin,Melaka, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka, KM 2.5, Jalan Merlimau Jasin,Melaka, MALAYSIA.

**Corresponding Author:**

MARIA MOHAMMAD, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau Melaka, KM 2.5, Jalan Merlimau Jasin,Melaka, MALAYSIA.  
E-mail: mariacdecpis@gmail.com

## Abstract

This study aims to analyze the suitability of a mandala drawing assignment completed by first-semester Diploma in Architecture students at a Polytechnic in Melaka, in addressing syllabus requirements related to the understanding of design elements and principles in the Design 1 (DCA10032) course. A qualitative approach was employed using data triangulation methods, including semi-structured interviews, visual analysis, and observation. Three informants with 15 to 23 years of teaching experience in the course were interviewed. Five mandala drawings were purposively selected based on the highest rubric scores in the 2023/2024 academic session. Feldman's Art Criticism Theory served as the main analytical framework. The findings revealed six key themes related to design elements and four themes concerning design principles, identified through Feldman's four stages: (i) clarity of design elements (description); (ii) conceptual understanding (analysis); (iii) balance between creativity and media application (interpretation); and (iv) creative execution of the mandala (judgment). In the descriptive stage, Islamic-inspired mandalas demonstrated symmetrical structures, central composition, and repetitive motifs that integrated traditional and contemporary elements. The analysis stage revealed the use of visual strategies including Islamic geometry, arabesque, Arabic calligraphy, and cosmic elements. Interpretation highlighted five major themes: Islamic geometry, Arabic calligraphy and arabesque, natural motifs, and Islamic color schemes. The evaluation stage concluded that Islamic mandala artworks could be effectively produced through a systematic technical approach. The study recommends further exploration of design organization in mandala creation as a reference for students in design-related courses.

**Keywords:** Mandala painting, cosmos, design elements, design principles, subject matter experts (SMEs)

### Cite This Article:

Maria Mohammad & Mohamad Faisal Ahmad. (2024). Analisis teori kritikan seni feldman terhadap lukisan mandala pelajar Diploma Seni Bina. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 6(2), 14-23.

## PENGENALAN

Lukisan mandala merupakan hasil seni lukis geometrik yang mempunyai ciri rekaan berpusat membentuk bulatan yang mempunyai simbolik struktur seperti alam semesta. Istilah "mandala" berasal daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud "lingkaran" atau "pusat" (Panjaitan & Tanjung, 2023). Dalam tradisi Hindu dan Buddha, mandala digunakan sebagai alat meditasi dan simbol spiritual yang mewakili kosmos dan perjalanan rohani individu (Sharma, 2020).

Secara visual, mandala terdiri daripada pola-pola simetri yang berulang, mencerminkan keharmonian dan keseimbangan. Lukisan mandala sering kali melibatkan penggunaan bentuk-bentuk geometrik seperti lingkaran, segi empat, dan segi tiga, serta elemen-elemen dekoratif yang kompleks (Ulinuha, 2021). Proses penciptaannya memerlukan ketelitian dan kesabaran, menjadikannya bukan sahaja sebagai karya seni, tetapi juga sebagai bentuk terapi seni yang membantu dalam mengurangkan stres dan meningkatkan fokus.

Dalam konteks pendidikan seni, lukisan mandala digunakan untuk mengajarkan konsep-konsep asas dalam rekaan seperti simetri, keseimbangan, dan penggunaan ruang. Ia

juga membantu pelajar dalam mengembangkan kreativiti dan kemahiran teknikal mereka. Melalui penciptaan mandala, pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam hubungan antara elemen-elemen rekaan dan prinsip-prinsip seni, serta bagaimana ia dapat diterapkan dalam konteks yang lebih luas.

Tahap analisis menilai bagaimana pelajar mengorganisasikan elemen-elemen tersebut untuk membentuk prinsip rekaan seperti keseimbangan, kontras, dan harmoni dikaji menggunakan teori kritikan seni Feldman. Dalam tahap interpretasi, pelajar diharapkan dapat menyampaikan makna atau konsep di sebalik lukisan mereka, manakala tahap penilaian menilai keseluruhan keberkesanan dan kualiti karya seni tersebut.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu kesesuaian tugas lukisan mandala yang dihasilkan pelajar semester 1 bagi sesi 1 2023/2024. Ini bagi menenuhi kehendak silibus dalam topik konsep elemen dan prinsip dalam rekaan bagi mengkaji kefahaman pelajar semester satu(1) Diploma Seni Bina di sebuah politeknik di Melaka, berdasarkan pandangan Subjek Matter Expert(SME) menggunakan Teori Kritikan Seni Feldman sebagai kerangka analisis. Pemilihan tugas lukisan mandala dalam topik 1, kursus Design 1 DCA10032 adalah strategik untuk menilai pencapaian Course Learning Outcome 1 (CLO 1) yang menekankan kefahaman penguasaan elemen dan prinsip dalam rekaan.



Rajah 1: Koleksi Lukisan Mandala Pelajar Diploma Seni Bina Politeknik di Melaka Bagi Sesi 1 2023/2024

## KAJIAN LITERATUR

Konsep mandala berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa makna "bulatan" atau "pusat"(Panjaitan & Tanjung, 2023). Dalam konteks rohani, mandala merujuk kepada gambaran visual yang digunakan dalam meditasi dan ritual. Dalam tradisi Hindu dan Buddha, mandala dikenali sebagai representasi simbolik alam semesta yang mengandungi unsur metafizik dan kosmologi. Ia digunakan sebagai alat meditasi yang membawa manusia menuju pencerahan, menggambarkan keteraturan kosmos, keharmonian, dan siklus kehidupan(Faizaldy Fiqri et al., 2024).

Istilah "mandala" jarang digunakan dalam kesenian Islam, namun prinsip-prinsip terutamanya dalam seni geometri Islam, rekaan memusatkan struktur bulatan dan pola simetri sebagai lambang kepada tauhid dan keteraturan kosmos sering dibincangkan (Erawati, 2021). Geometri dalam budaya Islam digunakan secara meluas dalam seni bina dan seni rupa, mencerminkan keindahan dan ketertiban ciptaan Ilahi.

Mandala juga merupakan satu bentuk ekspresi visual yang memiliki struktur simetri dan sepusat, sering kali digunakan dalam pelbagai tradisi kerohanian sebagai alat kontemplasi, meditasi, dan pemusatan diri. Sebagai medium karya seni yang inovatif dan eksploratif, mandala dapat memicu pentingnya menjaga pikiran serta hubungan antara manusia dan penciptanya (Eka Safliana, 2008).

Walaupun mandala berakar dari budaya Timur seperti Hindu dan Buddha, idea dan bentuknya tidak hanya terbatas kepada budaya-budaya tersebut. Konsep dan simbolisme mandala telah diadopsi dan disesuaikan dalam pelbagai budaya di seluruh dunia, termasuk dalam seni dan spiritualiti Islam, menunjukkan sifat universalnya sebagai simbol kesatuan dan keseimbangan (Annisa, 2023).

Seni mandala telah lama menjadi medium ekspresi spiritual dan estetika dalam pelbagai budaya. Dalam rekaan lukisan mandala adalah sintesis kefahaman pelajar terhadap konsep elemen dan prinsip dalam rekaan yang boleh dinilai melalui rubrik pengajaran dan pembelajaran. Dalam tugas pelajar Diploma Seni Bina, pendekatan visual seperti mandala dapat menjadi saluran untuk mengintegrasikan nilai estetika dengan pengajaran rekaan yang berkaitan akidah dan falsafah Islam. Pernyataan ini disokong dalam penulisan Salam, (2020).

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menganalisis elemen dan prinsip rekaan yang digunakan berdasarkan Teori Kritikan Seni Feldman.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memudahkan penyelidik memahami secara mendalam dengan reka bentuk kajian kes. Data dikumpulkan melalui tiga kaedah utama (Rachmawati et al., 2024):

- a. Temu bual separa berstruktur: Dilakukan bersama tiga (3) orang SME yang berpengalaman dalam seni bina.
- b. Pemerhatian: Hasil Lukisan Mandala Pelajar.
- c. Rakaman visual: Hasil Lukisan Mandala Pelajar

Kajian terhadap pelajar Diploma Seni Bina di sebuah Politeknik di Melaka menggunakan sampel kajian daripada lima (5) pelajar Semester 1 Sesi 1 2023/2024 yang dipilih secara bertujuan berdasarkan markah tertinggi dalam penilaian rubrik kursus DCA 10032, serta tiga (3) orang pakar bidang (Subject Matter Experts, SME) yang memiliki pengalaman. Data

dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dengan SME untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai aspek elemen dan prinsip rekaan. Analisis data dilakukan menggunakan pendekatan analisis tematik berdasarkan Teori Kritikan Seni Feldman, yang merangkumi empat peringkat: deskripsi, analisis, interpretasi, dan penilaian (Tweedapinta et al., 2025). Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang mendalam mengenai bagaimana elemen-elemen rekaan dalam lukisan mandala.


## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mengenal pasti enam (6) tema utama dalam elemen rekaan telah digunakan dan empat (4) tema utama dalam prinsip rekaan berdasarkan peringkat analisis Feldman, iaitu: (i) Kejelasan elemen rekaan melalui peringkat deskripsi; (ii) Kefahaman konseptual melalui peringkat analisis; (iii) Keseimbangan kreativiti dan aplikasi media melalui peringkat interpretasi; dan (iv) Kreativiti penghasilan lukisan mandala melalui peringkat penilaian.

Jadual 1 Profil Informan Berdasarkan Jawatan, Jantina, Gred Jawatan, Pengalaman

Profil Informan Jawatan	Bil	Jantina	Gred Jawatan	Tahun Pengalaman
Pengajaran & Pembelajaran	1	P	DH 48	15
	1	L	DH 48	17
	1	P	DH 44	20

Dapatan kajian informan SME terdiri daripada pensyarah bidang seni bina yang mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun sebagai pakar rujuk dalam kajian ini dan memiliki autoriti memberikan pandangan terhadap hasil lukisan mandala pelajar seni bina semester 1 bagi memenuhi rubrik pemarkahan dan mempunyai nilai estetik serta nilai pengkomersialan.




Mandala 1 Mandala 2 Mandala 3 Mandala 4 Mandala 5

Rajah 2: Lima (5) Lukisan Mandala Hasil Pelajar Diploma Seni Bina Semester 1 Sesi 1 2023/2024 Memperolehi Markah Rubrik Tertinggi

## DAPATAN KAJIAN

Di dalam kajian ini, tiga (3) orang Informan telah ditemu bual. Pemilihan informan dibuat secara persempelan bertujuan kepada pensyarah yang pernah mengajar kursus rekaan semester 1 dalam kalangan pensyarah seni bina. Rakaman visual berbentuk gambar dan hasil seni yang telah dibingkaikan menjadi media yang dipersembahkan.


Jadual 2 Dapatan Kajian Kes Analisa Tematik Menggunakan Teori Kritikan Feldman



**Bil.**      **Peringkat Analisis**                      Karya Mandala Pelajar Semester 1 2023/2024  
<https://heyzine.com/flip-book/4ae29c2d58.html>

### Penjelasan

- |  |   |
|--|---|
| <p>1.      <b>Deskripsi</b></p> <p>SME menganalisis LIMA(5) lukisan Mandala</p>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lukisan Mandala;               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Teknik sistematik</li> <li>ii. Relevan konteks tradisional dan kontemporari</li> <li>iii. Kemas</li> <li>iv. Media dan Medium yang tepat</li> </ol> </li> <li>• Simetri</li> <li>• Berpusat</li> <li>• Pengulangan Motif</li> <li>• Unsur Islam</li> <li>• Unsur Organik</li> <li>• Unsur Kosmos</li> <li>• Elemen rekaan yang organik</li> <li>• Prinsip rekaan yang bersinergi</li> </ul>   |
| <p>2.      <b>Analisis</b></p> <p>Analisis terperinci karya Mandala Bercirikan Islam</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Analisis visual subjek matter:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Geometrik</li> <li>✓ Arabesque</li> <li>✓ Kaligrafi Arab</li> <li>✓ Kosmos</li> <li>✓ Flora</li> <li>✓ Fauna</li> </ul> </li> <li>• Analisis <b>Simbolik</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Islam</li> <li>✓ unsur alam semula jadi seperti kosmos seperti bintang</li> </ul> </li> <li>• Analisis elemen               <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Titik</li> <li>✓ Garisan</li> <li>✓ Rupa</li> <li>✓ Bentuk</li> <li>✓ Ruang</li> <li>✓ Tekstur</li> <li>✓ Bentuk</li> <li>✓ Warna</li> </ul> </li> </ul> |



**Bil. Peringkat Analisis**

Karya Mandala Pelajar Semester 1 2023/2024  
<https://heyzine.com/flip-book/4ae29c2d58.html>

**Penjelasan**


- Analisis prinsip rekaan
  - ✓ Keseimbangan
  - i. Simetri
  - ii. Assimetri
    - ✓ Berpusat
    - ✓ Kesatuan
      - i. Susunan berulang
      - ii. Bernada
      - iii. Seragam
    - ✓ Warna
      - i. Harmoni
      - ii. Kontras
      - iii. Komplementari
      - iv. Penegasan
      - v. Intensiti
    - ✓ Kepelbagaian
      - i. Gaya
      - ii. Variasi
      - iii. Tenaga
      - vi. Kreativiti
      - vii. Tarikan
      - viii. Medium
    - ✓ Penegasan
      - i. Fokus
      - ii. Kontras/menonjol
      - iii. Variasi
      - iv. Tenaga
      - v. Kreativiti
      - vi. Tarikan
      - vii. Medium
- Analisis Media Susunan Matematikal
  - ✓ Kepelbagaian
    - i. Feltip pen pelbagai saiz
    - ii. Media kertas pelbagai
    - viii. Kombinasi warna marker
    - ix. Alat jangka lukis
    - x. Kertas cat air melebihi 100g

3. **Interpretasi Tema**  
**i. Geometrik Islam**

- **Susunan Matematikal** dan simetri
- ii. Motif Alam Semula jadi**
  - Tumbuhan, bunga dan bentuk organik, bintang, arabesque, muqarnis

**Teknik penghasilan berkualiti**

- Teknik mewarna dengan menerokaan kombinasi warna
- Teknik proposi dalam perletakan garisan berpusat, simetri dan pengulangan
- Teknik Pemilihan subjek matter (hal benda) yang tidak menggunakan benda hidup seperti figura, binatang, simbol agama
- Susunan matematikal




**Bil. Peringkat Analisis**

Karya Mandala Pelajar Semester 1 2023/2024  
<https://heyzine.com/flip-book/4ae29c2d58.html>

**Penjelasan**

**iv. Warna**

- Warna **harmoni** seperti kombinasi warna dalam roda warna
- Warna **Kontras** bertentangan dalam roda warna
- Warna hijau, biru, emas yang membawa makna simbolik
- Warna putih lambang kesucian



Warna Harmoni adalah warna bersebelahan dalam roda warna



Warna Kontras adalah warna bertentangan dalam roda warna

**Penilaian**

- 4.
- Teknik sistematik yang boleh dipelajari tanpa kearifan melukis namun perlu mematuhi langkah

**Penilaian:**

Teknikal Pembikinan:

- i. Teknik Garisan Berstruktur
- ii. Penggunaan media dan peralatan yang tepat
- iii. Teknik **organisasi proposi**
- iv. Teori mewarna-keamatan warna tinggi dan rendah, kontras, harmoni, komplimentasi
- v. Teori matematikal simetri

Dapatan kajian 1 dianalisis bagi mengenal pasti analisis dokumen berdasarkan isu pemberian tugas yang boleh menggambarkan kefahaman pelajar semester 1 terhadap konsep rekaan yang memenuhi elemen dan prinsip rekaan dalam kalangan pelajar Diploma Seni Bina yang terbiasa dengan gaya melukis sekolah menengah.



Dapatan kajian mengenal pasti empat (4) tema utama dalam elemen rekaan telah digunakan dan empat (4) tema utama dalam prinsip rekaan berdasarkan peringkat analisis Feldman, iaitu: (i) Kejelasan elemen rekaan melalui peringkat deskripsi dengan empat (4) tema utama iaitu i. Teknik sistematik ii. Hasil lukisan yang menepati relevan konteks tradisional dan kontemporari iii. Tema kekemas dan mempunyai nilai kreativiti adalah sub tema utama lukisan mandala yang berkualiti iv. Penggunaan media dan medium yang tepat dan bersesuaian dengan ketahanan kesan cairan dakwat dan mata pen dengan ketahanan kertas. Manakala terdapat lapan (8) sub tema serta sub tema bagi simetri, berpusat, pengulangan motif, unsur Islam, unsur Organik, unsur kosmos, elemen serta prinsip rekaan yang bersatu dalam analisa tematik bagi diskripsi karya.

Manakala melalui analisis lukisan mandala yang merupakan intipati kajian mengumpulkan 5 Tema Utama dan 40 sub tema. Analisis lukisan mandala merumuskan pelajar faham silibus, kehendak soalan, isi pengajaran dengan mengolah organisasi bagi menghasilkan hasil lukisan mandala yang mempunyai nilai estetik dan nilai komersial dengan persembahan yang dibingkaikan yang mempunyai nilai estetik.

Interprestasi tema dalam analisis teori kritikan seni Feldman pula menunjukkan dalam teknik penghasilan berkualiti terdapat tiga (3) tema dan enam(6) sub tema yang dibincangkan iaitu i. Konsep geometrik dalam islam dengan memperkenalkan satu(1) sub tema susunan matematikal dan simetri yang tepat menghasilkan lukisan mandala yang estetik. Tema kedua yang dibincangkan oleh SME motif alam semulajadi yang dioleh dengan komposisi dan proposi yang betul akan menghasilkan lukisan assimetri yang mempunyai nilai menepati rubrik seperti lukisan mandala 2 dan lukisan mandala 4 dalam *rajah 2. Kombinasi warna adalah faktor terpenting dalam menentukan lukisan mandala yang berkualiti.*

Dapatan kajian melalui penilaian, terdapat satu (1) tema utama iaitu teknik melakar yang sistematik dan matematik yang mempraktikkan nilai keseimbangan, kreativiti dan aplikasi medium yang betul boleh dipelajari tanpa mempunyai kearifan melukis dan mengikuti langkah-langkah melakar melalui peringkat interpretasi penghasilan lukisan mandala melalui peringkat penilaian.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menyimpulkan bahawa penghasilan lukisan mandala secara manual mempunyai nilai signifikan dalam memperkukuh kemahiran pelajar dalam visualisasi rekaan dalam seni bina. Dapatan daripada analisis dalam teori kritikan seni Feldman dikenalpasti menjadi intipati kepada penghasilan lukisan mandala yang berkualiti dalam mengatasi pernyataan masalah tugas yang bersesuaian bagi menilai kefahaman pelajar terhadap teori elemen dan prinsip dalam rekaan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini merujuk kepada hasil lukisan mandala bagi pelajar sesi 1 2023/2024 yang memperoleh 5 markah tertinggi dalam penilain. Penghargaan terima kasih pengkaji kepada informan dan pelajar serta pihak pengurusan di institusi kajian.

## RUJUKAN

- Annisa, A. (2023). Pengaruh Ilmu Kaligrafi Arab dalam Akulturasi Budaya Nusantara. *Shaf: Jurnal Sejarah, Pemikiran, Dan Tasawuf*, 1(1), 47–57. <https://doi.org/10.59548/js.v1i1.56>
- Eka Saffiana. (2008). Seni dalam Perspektif Islam. *Islam Futura*, VII(1), 100–107.
- Erawati, Y. (2021). Simbolik Geometri Dalam Kesenian Islam. In *PROSIDING Seminar Antar Bangsa Indonesia - Malaysia “Konstruksi Ruang Kreatif, Simbolik, Spiritual Seni Pertunjukan dalam Masyarakat Melayu” Singgasana Budaya Nusantara Malang 10 September 2021 Penerbit*.
- Faizaldy Fiqri, Ni Luh Putu Tejawati, & I Nyoman Bayu Pramatha. (2024). Akulturasi Kebudayaan Hindu-Islam Pada Makam Raden Ayu Siti Khotijah Di Kelurahan Pemecutan, Kecamatan Denpasar Barat, Kota Denpasar. *Nirwasita: Jurnal Pendidikan Sejarah Dan Ilmu Sosial*, 5(1), 95–109. <https://doi.org/10.59672/nirwasita.v5i1.3640>
- Panjaitan, N. A. H., & Tanjung, M. R. (2023). Design of Mandala Art Combination with Malay Deli Ornaments. *Jurnal Sosial, Politik Dan Budaya (SOSPOLBUD)*, 2(2). <https://doi.org/10.55927/sospolbud.v2i2.5404>
- Rachmawati, I., Rosyid, D. F., Parman, S., Solihan, Y. A., & Putra, G. M. (2024). Penerapan Artificial Intelligence Pada Media Desain Grafis Menggunakan Analisis Interpretasi Edmund Feldman. *Jurnal Digit*, 14(1), 66. <https://doi.org/10.51920/jd.v14i1.372>
- Salam, A. M. I. (2020). Lanskap Corak Filsafat Islam. *Islamika : Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 20(01), 73–79. <https://doi.org/10.32939/islamika.v20i01.567>
- Sharma, Y. P. (2020). Tracing the Traditional Contents and Forms in Contemporary Nepali Paintings. *Molung Educational Frontier*. <https://doi.org/10.3126/mef.v10i1.34040>
- Tweedapinta, E., Wisetrotomo, S., & Garibaldi, P. (2025). Kritik Pertunjukan pada Sonata Biola Ysaye ‘ Obsession ’ Melalui Teori Kritik Seni Feldman. 12(April 2024), 102–119.
- Ulinnuha, M. K. (2021). Eksplorasi Mandala dalam Seni Drawing. *Journal of Contemporary Indonesian Art*, 7(2), 64–73. <https://doi.org/10.24821/jocia.v7i2.6079>